

TANGGA belakang untuk memudahkan anak dara naik ke atas rumah.



RUMAH ini seringkali menjadi tumpuan orang ramai kerana sarat dengan elemen tradisional.



Oleh SUHANA VERU  
rencana@kosmo.com.my

**S**UASANA Kampung Sijangkang yang terletak di Kuala Langat, Selangor pada pagi itu agak dingin dan lembap gara-gara hujan lebat. Perjalanan yang mengambil masa selama satu jam dari ibu kota itu terbantu seketika setelah memasuki laluan kecil di kampung itu.


# Nilai estetika rumah kayu

KOSMO 25/2/13 MS 22

Ahmad sanggup menghabiskan ratusan ribu ringgit semata-mata mahu mempertahankan khazanah Melayu yang kian pupus iaitu rumah kayu.



HASIL ukiran kayu membangkitkan nostalgia.



RUANG anjung di hadapan rumah merupakan identiti rumah-rumah kayu Melayu.

Meskipun percubaan mencari Jalan Seri Tanjung gagal, akhirnya menemukan kami dengan pemilik rumah kayu yang popular di kampung tersebut iaitu bekas seorang usahawan, Ahmad Ali, 50.

Bergerak 50 meter ke kawasan rumah tersebut, kelihatan sebuah binaan kayu berwarna coklat gelap yang tersergam indah di atas hamparan rumput yang menghijau.

Kehadiran kami disambut mesra oleh seorang lelaki yang tampil ringkas berkemeja rona biru, seluar panjang dan bersongkok. Sambil mengukir senyuman dan menundukkan kepala tanda hormat, dia memperkenalkan diri lalu mempelawa masuk ke dalam rumah.

Ketika melangkah masuk hawa sejuk dan nyaman menyapa kami. Perasaan kagum menyelubungi tatkala melihat keunikan jubin lantai yang berwarna-warni diselangi kepingan papan dan batu sungai.

Setiap inci dalam rumah tersebut pasti mengingatkan seseorang pada ciri sebuah rumah kampung kerana selain reka bentuk, ia siap dengan kelengkapan dan barangan antik seperti kipas, suis lampu, penghias dinding dan lampu.

Selain itu, keunikan ukiran dan bentuk kayu di bahagian dinding, atap, tingkap dan tangga nyata menyerlahkan keaslian rumah berkenaan. Kediaman yang diperbuat daripada kayu mempunyai keistimewaan dan nilai estetika yang tersendiri.

Apatah lagi dikelilingi pohon-pohon yang menghijau di halaman ru-



PERALATAN elektrik lama seperti suis lampu ini menambah rasa nostalgia pada rumah kayu ini.

mah dan dihiburkan dengan kokokan ayam. Kedamaiannya meresap ke dalam hati. Diajak bercerita mengenai rumah itu, Ahmad memberitahu, dia terpanggil untuk mendirikan rumah tradisional itu kerana tidak mahu unsur-unsur Melayu lenyap begitu sahaja.

Hasrat untuk membina rumah kayu itu bermula selepas salah seorang rakannya yang berasal dari Perancis mengunjungi Malaysia. Warga Perancis itu meluahkan perasaan janggal kepada Ahmad selepas melihat sebuah lukisan rumah kayu tradi-

sional yang tergantung di dinding. "Dia bertanya kepada saya, kenapa sukar untuk melihat rumah kayu di ibu kota sedangkan ia melambangkan identiti orang Melayu," ujarnya yang terkesima dengan pandangan tersebut.

Anak sulung daripada tujuh adik-beradik itu mula merancang untuk membina rumah kampung tradisional lalu membuat keputusan menjual kondominiumnya yang terletak di Shah Alam.

Daripada maklumat yang diperoleh daripada seorang rakannya, Ahmad kemudian membeli sebuah rumah kayu yang berusia 70 tahun di Teluk Intan, Perak yang bernilai RM2,000. Menurut Ahmad, rumah lama yang dibeli itu dirobohkan untuk dibina semula di Sijangkang menggunakan kayu sedia ada.

"Saya kitar semula kayu lama itu kerana ia lebih kering, tahan lama dan lebih keras kerana kayu baharu memerlukan masa sekurang-kurangnya 10 tahun untuk kering," tutur bapa kepada tiga anak itu.

Bagaimanapun, hanya sebahagian kayu lama boleh digunakan, selebihnya menggunakan kayu baharu. Bagi membina istana idamannya, hampir 20 tan metrik kayu digunakan.

Antara jenis kayu yang digunakan ialah cengal dan resak kerana kualitinya yang tinggi. Menurut anak jati Tanjong Karang, Selangor itu pembinaan rumah tersebut mengambil masa selama empat tahun.

Pembinaan rumah yang didirikan di atas tanah yang berkeluasan satu ekar (0.4 hektar) itu mengambil masa yang lama kerana ia melibatkan kerja-kerja yang rumit selain memerlukan ketelitian yang tinggi.

Malah, sebahagian rumah tersebut didirikan tanpa paku selain sambungan tanggam iaitu kayu kecil untuk menampung binaan dan pasak.

### Ilham kembara

Ahmad yang gemar melancong sentiasa mengambil kesempatan itu untuk mencari idea-idea baharu dengan mengunjungi kedai-kedai kayu.

“Saya akan berbang dengan tukang kayu dan berkongsi idea-idea yang diperoleh sepanjang pengembaraan. Jika tiada masalah mereka akan membina mengikut cita rasa saya,” katanya.

Menyentuh mengenai ukiran yang menjadi penyeri kediamannya, kayu ukiran itu terdiri daripada kayu-kayu yang terpakai. Selain

untuk tujuan hiasan, ia juga menggalakkan aliran udara dan cahaya ke dalam rumah.

Memetik kata-kata Penolong Pengerus Projek, Badan Warisan Malaysia, Intan Syaheeda Abu Bakar, ukiran penuh kerawang bukan sahaja dipandang sebagai aksesori tetapi turut menunjukkan status pemilik rumah. “Itu mungkin dulu,” pintas Ahmad.

Tatkala melangkah masuk ke ruang tetamu yang terletak di atas tingkat itu kedengaran bunyi keriuat papan lantai yang bergesel antara satu sama lain.

“Bunyi itu biasa bagi lantai kayu tetapi jangan khuatir kerana rumah ini



SEBAHAGIAN dinding di ruang tamu dihiasi dengan kelarai.



UKIRAN Asma Ul Husna menghiasi hiasan dalam rumah Ahmad menjadi ciri-ciri yang menarik.

mampu menampung lebih 100 orang,” katanya sambil tersenyum.

Kepingan papan segi empat panjang yang berwarna merah dan hijau yang terletak di ruang tamu menarik perhatian mata yang memandang. Sangkaan penulis ia tulisan kaligrafi Cina tetapi ia sebenarnya ukiran nama-nama Allah.

“Saya beli ukiran ini pada harga RM12,000 di Changlun, Kedah kerana pembeli asalnya menghadapi masalah kewangan,” jelasnya yang menyifatkan hiasan itu menarik perhatian sesiapa sahaja yang bertandang ke rumahnya. Ghairah bercerita tentang kepingan tulisan *Asma Ul Husna* itu, dia memberitahu ‘istananya’ itu turut mempunyai tiga tangga.

Berasa agak janggal dengan jumlah tangga itu, Ahmad menjelaskan, ia memudahkan anak dara naik ke atas

rumah itu melalui laluan belakang.

“Seorang saudara terdekat menasihatkan supaya mendirikan tangga yang berselindung untuk memudahkan kaum wanita masuk ke rumah jika tetamu bertandang ke rumah,” ungkapnya sambil memberitahu terdapat empat buah bilik di rumah tersebut.

Antara cabaran memiliki rumah kayu ialah serangan anai-anai dan haiwan pemusnah lain. Namun, Ahmad tidak menganggap ia sebagai satu cabaran sebaliknya menganggap ia merupakan fitrah alam.

### Kaedah semburan

“Manusia mempunyai otak dan teknologi, jadi kita perlu mencari ikhtiar untuk menyelesaikan sebarang masalah yang datang dalam kehidupan. Begitu juga dengan masalah anai ini,” sambung Ahmad penuh falsafah.

Beliau hanya menggunakan kaedah semburan bagi menghapuskan perosak kayu itu selain melakukan pemerhatian berkala di kesemua sudut rumah. Selain masalah itu, jelas Ahmad, terdapat kesan kayu reput akibat hujan lebat.

Begitupun, tidak banyak kesan kebocoran. Dalam pada itu, dia memberitahu rumahnya juga sering kali menjadi pilihan ramai pengarah untuk penggambaran drama yang melibatkan suasana kampung dan sambutan hari raya.

“Saya tidak tahu bagaimana mereka tahu tentang rumah saya ini. Namun, saya tidak pernah menolak permintaan mereka kerana memang sukar untuk mendapatkan rumah tradisional Melayu,” katanya yang percaya setiap tetamu membawa rezeki yang berbeza-beza.

Walaupun telah menghabiskan ratusan ribu ringgit, dia mengakui puas memiliki rumah itu kerana beranggapan ia khazanah berharga yang tiada tolok bandingan.

Menyentuh tentang perancangan masa depan, beliau bercadang mendirikan chalet di kawasan kediamannya kepada sesiapa yang ingin meraikan majlis perkahwinan di rumahnya.

Perasaan kagum menyelubungi tatkala melihat keunikan jubin lantai yang berwarna-warni diselangi kepingan papan dan batu sungai

KOSMO 25/2/13

MS 23



AHMAD

# Kepupusan rumah kayu di Malaysia

RUMAH kayu tradisional semakin pupus pada hari ini kerana pemilik rumah mengambil tindakan untuk merobohkan rumah-rumah tersebut kerana ia semakin uzur.

Selain faktor itu, rakyat di negara ini dilihat lebih gemar membeli dan mendirikan rumah yang diperbuat daripada batu kerana dipengaruhi dengan binaan moden seiring dengan arus pemodenan.

Ia juga disebabkan kos yang murah. Atas faktor-faktor tersebut, maka tidak hairanlah satu hari nanti rumah kayu akan lenyap ditelan zaman.

Prof. di Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Datuk Dr. Ramlah Adam berkata, tidak ramai pihak yang sanggup mendirikan rumah kayu kerana ia menuntut modal yang besar.

Menurutnya, segelintir individu sahaja yang mampu memenuhi perbelanjaan tinggi untuk membina rumah tersebut.

"Lagipun, jika dibandingkan harga kayu pada masa dahulu dan sekarang sememangnya jauh berbeza," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau mencadangkan supaya kerajaan negeri serta pihak yang berkaitan perlu tampil untuk membantu pemilik rumah.

"Sebagai contoh, menyalurkan sedikit peruntukan untuk mereka (pemilik rumah) supaya dapat menjalankan kerja-kerja pembaikan rumah sekali gus ia sekurang-ku rangnya mengurangkan beban mereka.

"Apabila mempunyai bantuan kewangan, mereka setidak-tidaknya tidak merobohkan rumah lama itu. Saya lihat langkah ini perlu dilakukan segera demi memelihara khazanah yang melambangkan identiti orang Melayu," tegasnya.

Selain itu, beliau juga berharap supaya setiap kerajaan negeri mewartakan rumah-rumah tradisional seperti mana yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

"Keunikan rumah-rumah itu harus dipelihara kerana ia bukan sahaja melambangkan kebanggaan negara malah merupakan warisan budaya Melayu yang tidak ternilai,"ujarnya lagi.

Dalam pada itu, beliau berkata, melihat kepada hasil ukiran ia sebenarnya melambangkan kemahiran orang dahulu dalam bidang ukiran kayu.



TANGGA batu di Rumah Penghulu Natar, Merlimau, Melaka ini semakin sukar dilihat selepas banyak generasi baharu membina rumah moden.